

OBJEKTIF PENUBUHAN BAHAGIAN PERUBATAN

Merangka, merancang dan melaksanakan perkembangan program perubatan Negeri Johor dengan efektif dan efisien bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan dasar dan arahan semasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN PERUBATAN

1. CAWANGAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti perkhidmatan klinikal Negeri Johor.
- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti aduan serta *Medico Legal* Negeri Johor
- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti Rekod Perubatan Hospital Negeri Johor.
- Merancang, melaksana dan memantau pentadbiran Ibu Pejabat Bahagian Perubatan Negeri Johor.
- Merancang, melaksana dan memantau sumber Perubatan dan operasi hospital Negeri Johor.

2. CAWANGAN PENGURUSAN RISIKO DAN SURVELAN KLINIKAL

- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti Petunjuk Prestasi Utama dan Penambahbaikan Perkhidmatan bagi memastikan semua sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.
- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti Keselamatan Pesakit bagi memastikan penyampaian rawatan perubatan kepada pesakit adalah berkualiti dan terjamin.
- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Program Perubatan Negeri Johor.

3. CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA

- Merancang, melaksana dan memantau Pendaftaran Klinik Perubatan Dan Pergigian Swasta.
- Merancang, melaksana dan memantau Pelesenan premis Kemudahan dan Jagaan Kesihatan.
- Merancang, melaksana dan memantau Penguatkuasaan Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586).
- Merancang, melaksana dan membuat pengendalian aduan yang melibatkan premis KPJKS

4. CAWANGAN PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI (CPTK)

- Merancang, melaksana dan memantau aktiviti inspektorat dan penguatkuasaan di bawah Seksyen 4a Akta Ubat (Iklan Dan Penjualan) 1956 dan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.
- Merancang, melaksana dan memantau perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di fasiliti kesihatan Kerajaan yang berkaitan mengikut kawasan liputan CPTK Zon Selatan (Melaka dan Johor).
- Merancang, melaksana dan memantau pendidikan amalan perubatan Perubatan Tradisional dan Komplementari untuk kesihatan dan keselamatan orang awam di Negeri Johor dan Melaka.